

Selami tugas anggota bomba

Dari muka 81

Mark yang menjayakan watak sebagai anggota bomba dan penyelamat menyifatkan pengalaman pertama itu sebagai kenangan paling mahal.

Untuk merealisasikan peranan itu, dia perlu menjalani latihan selama sebulan bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Latihan yang diberikan sangat mencabar. Kami perlu melepasi terowong sempit yang hanya muat-muat badan dan gelap. Pelbagai perkara yang saya fikir ketika itu.

"Walaupun dibekalkan oksigen, pelbagai kemungkinan boleh berlaku. Apatah lagi, ia kali pertama saya melalui pengalaman itu.

"Latihan demi latihan yang saya lalui membuatkan saya lebih faham cabaran bertugas sebagai anggota bomba. Bayangkan, mereka perlu bersedia untuk mempertaruhkan nyawa demi tugas.

"Saya tidak hanya berlatihan, sebaliknya perlu menyelami tanggungjawab sebenar mereka supaya mesej yang disampaikan menyentuh hati penonton," katanya yang menghidupkan watak Adam Fanifinali.

Mark berkata, *Hero The Movie* juga mencabar keberaniannya melakukan aksi lasak seperti pertarungan, memanjat dan terjun dari tempat tinggi.

"Di Filipina, kami diwajibkan mengambil subjek Pendidikan Jasmani. Sejak kecil, saya sudah didedahkan dengan sukan tinju yang popular di sana.

"Tidak sukar untuk saya melakukannya, biarpun berhadapan

dengan kecederaan kecil," katanya yang turut membintangi *Bikin Film* dan *Tujuh Hari*.

Selain Mark, *Hero The Movie* turut menampilkan Bell Ngasri, Hisyam Hamid, Datuk Jalaluddin Hassan, Shahrudin Thamby, Elisya Sandha, Tash Yong dan Syafiq Farhain.

Lebih sinonim dengan karakter komedi, Mark berkata, sebagai pelakon, dia ingin mencuba pelbagai watak yang menguji kemampuan diri.

"Saya bagaimanapun, tidak kisah sekiranya dilabel sebagai artis komedi. Apa yang peminat mahu, saya cuba jalankan tanggungjawab itu dengan baik.

"Bukan senang membuat orang ketawa. Saya hargai apabila orang kemunculan saya disenangi ramai," katanya.

Tidak melupakan dunia nyanyian yang menaikkan namanya, Mark berkata, dia merancang tampil dengan *single* baharu, akhir tahun ini.

Terlebih dahulu mempertaruhkan *single*, *Amnesia*, tiga bulan lalu, Mark bagaimanapun, akur sambutan terhadap lagu itu agak perlahan.

"Naik turun dalam industri hiburan perkara lumrah. Sebelum ini, nama saya lebih menyerlah sebagai penyanyi. Namun, kebelakangan ini, peminat mula melihat sisi berbeza saya sebagai pelakon dan pelawak.

"Dalam kesibukan itu, saya tidak pernah melupakan nyanyian. Saya masih aktif menghasilkan lagu, selain menjadi guru vokal di Akademi Suara," katanya.

Sebelum ini, nama saya lebih menyerlah sebagai penyanyi. Namun, kebelakangan ini, peminat mula melihat sisi berbeza saya sebagai pelakon dan pelawak. Dalam kesibukan itu, saya tidak pernah melupakan nyanyian.


Mark Adam,
Penyanyi / Pelakon



Mark Adam

- » Dilahirkan dengan nama Marcus Adam Macarag Echivarre di Cebu, Filipina, pada 15 Oktober 1979
- » Mark atau nama Islamnya Fikri Mark Adam Abdullah mendirikan rumah tangga dengan Norazah Redzuan
- » pada 2003
- » Mula mencipta nama apabila lagu nyanyian, *Pencuri* (2013) dan *Si Katak* (2014) mendapat perhatian penggemar muzik
- » Mengusahakan pusat latihan vokal, Akademi Suara di Neo Damansara, Petaling Jaya.

Grafik 31



Antara babak diilakankan Mark dalam *Hero The Movie*.